

PM: Proton Saga segak, lancar

Oleh HAFIFI HAFIDZ

SHAH ALAM, Selasa — Sungguh segak dan lancar. Itulah ulasan pertama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas menguji pandu Proton Saga 15 minit pagi ini. Beliau juga memuji daya kawalan kereta itu.

"Sterengnya ringan," kata Datuk Seri Dr Mahathir. Tetapi beliau terpaksa menghampakan peminat-peminat kereta itu buat sementara waktu kerana belum dapat memberitahu harga. Murah atau mahal kereta Malaysia itu akan diketahui September ini.

Perdana Menteri yang sebelum itu melancarkan pengeluaran Proton Saga telah menguji kereta berwarna metalik biru yang mempunyai kekuatan 1,500 cc.

Proton Saga 1 akan disembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara tepat jam 11 pagi esok.

"Saya memandu kereta itu sehingga 120 km sejam. Pada pendapat saya, ia adalah kereta yang baik dan mempunyai stereng yang ringan.

"Isteri saya juga turut memandu kereta itu. Saya rasa beliau juga gemarkannya," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir menguji kereta itu di trek ujian Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (Proton) di kawasan kompleks kilangnya di sini.

● BERITA2 LAIN DAN GAMBAR2 SEKITAR PELANCARAN KERETA NASIONAL LIHAT MUKA 2

Dalam ujian itu beliau diiringi oleh Pengerusi Proton, Tan Sri Jamil Mohd Jan, seorang jurutera dan seorang pegawai keselamatan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau memilih warna metalik biru dan akan mengambil kereta tempahannya September ini.

"Harganya masih belum ditentukan tetapi pengumuman mengenainya akan dibuat sebelum September," katanya.

Bagaimanapun, menurut seorang pegawai Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd (EON) yang bertugas di gerai tempahan yang dibuka khas sempena pelancaran itu berkata, bagi jenis 1,500 cc ia tidak akan melebihi \$22,000 sementara bagi 1,300 cc pula tidak melebihi \$19,000.

"Harga itu adalah harga atas jalan yang termasuk insurans, cukai jalan, radio kaset jenis *Blaupunkt* dan pendingin udara," katanya.

Kira-kira 1,800 tetamu dan orang ramai yang hadir di upacara itu turut memuji kereta nasional itu sekalipun mereka tidak berpeluang mengujinya.

Sebanyak 7,500 unit akan dikeluarkan antara Julai dan Disember ini. Tahun depan, sebanyak 42,500 akan dikeluarkan.

Selain tempahan tempatan, EON juga menerima pertanyaan dari seberang laut, termasuk negara-negara Eropah dan China.